

Makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Assalamualaikum dan selamat sejahtera,

**PEMBAYARAN BANTUAN KHAS AIDILFITRI (BKA) TAHUN 2020 (OS 17000)**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, adalah dimaklumkan bahawa pembayaran BKA bagi kakitangan yang layak tetapi tidak dapat dibayar melalui payroll perlu dibuat melalui baucer berasingan.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan **membuka sekatan untuk berbelanja melebihi peruntukan (Overbudget) bagi Objek Sebagai 17000 mulai pada 18 Mei sehingga 21 Mei 2020 iaitu sehingga tarikh bayaran BKA disempurnakan.**
  
3. **Pihak PTJ diminta untuk menyediakan baucer dalam tempoh tersebut dan memastikan tiada pegawai yang tercicir kerana sekatan untuk berbelanja melebihi peruntukan hanya dibuka sekali sahaja.** Seterusnya pihak tuan/puan perlu membuat pengesahan bagi bayaran yang dibuat dalam *link* yang di bawah untuk membolehkan pihak JANM Pulau Pinang melaporkan kepada pihak pengurusan atasan.

[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSesQWvB8\\_b8-j867UmuKzAeQqanD6P9Gg8OxKOKxuV1EQW7\\_w/viewform?usp=pp\\_url](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSesQWvB8_b8-j867UmuKzAeQqanD6P9Gg8OxKOKxuV1EQW7_w/viewform?usp=pp_url)

Sekian, terima kasih.

Unit Gaji

JANM PULAU PINANG

15 MEI 2020